

Tindakan tak ikut peraturan Parlimen

MELAKA, Jumaat — Ketua pembangkang, Encik Lim Kit Siang yang juga ahli Dewan Undangan Negeri Melaka kawasan Kubu hari ini men-sifatkan penggantungan yang dikenakan sehari ke atasnya oleh Dewan Undangan Negeri semalam sebagai tidak mengikut perlembagaan dan peraturan Parlimen.

Katanya, fasal 17 Perlembagaan Negeri me-

nyatakan dengan jelas terhadap ahli-ahli yang tidak hadir selama enam bulan tanpa kebenaran Dewan.

Katanya, fasal itu menghuraikan bahawa sekiranya seorang ahli tanpa kebenaran Dewan, tidak hadir bagi tiap-tiap persidangan dalam tempoh enam bulan, Dewan Undangan boleh mengisytiharkankerusinya dikosongkan.

"Tidak timbul masalah saya untuk meminta maaf sekiranya saya didapati bersalah

melanggar fasal tersebut."

Jawatankuasa Hak Istimewa yang mengkaji tentang ketidakhadiran Encik Lim dari 23 September 1980, mendapati beliau melanggar fasal tersebut dan mesti meminta maaf atas kesalahannya itu.

Encik Lim enggan meminta maaf dalam persidangan semalam dan seterusnya digantung kerana tidak melakukannya.

Tuduhan

Encik Lim mendakwa tujuan penggantungan ialah untuk melarangnya dari mengambil bahagian dan satu usul berhubung dengan penyiasatan Jawatankuasa Pemilihan terhadap tuduhan Encik Chan Teck Chan (BN-Tengkera) yang mengatakan Encik Lim adalah ejen proxy sebuah kuasa asing.

Encik Lim juga mem-bidas Ketua Menteri, Encik Mohamed Adib Haji Adam kerana membaca sepucuk surat mengenai hubungan DAP dengan Singapura, di Dewan Undangan Negeri, semalam.

Encik Lim berkata, surat yang diterima dari Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Tengkera, Encik Chan Teck Chan itu tidak mengandungi apa-apa melainkan tuduhan tanpa fakta dan bukti.

Katanya, Ketua Menteri tidak seharusnya membaca tuduhan selanjutnya kerana Dewan bukanlah tempat forum yang wajar untuknya.

Menyokong

Encik Adib membaca surat yang diterimanya dari Encik Chan pada 5 Disember semasa per-bahasan mengenai usul membenarkan Jawatankuasa Pemilihan yang ditubuhkan pada 1 Oktober mengadakan rundingan dengan korum seramal tiga orang ahli.

Jawatankuasa itu ditubuhkan berikutan tuduhan dari Encik Chan dalam persidangan 1 Oktober lalu kerana mengatakan salah seorang dari Ahli Dewan adalah ejen proxy kuasa asing.

Surat yang dibacakan oleh Encik Adib itu mendakwa pemimpin-pemimpin DAP telah berhubung dengan pemimpin-pemimpin PAP Singapura seperti Encik Devan Nair, kini Presiden Republik itu.

Surat itu juga mengandungi tuduhan mengatakan DAP menerima wang dari Singapura dalam pilihanraya umum 1969.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia